

NAMA		KELAS		TARIKH	
------	--	-------	--	--------	--

PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 1:

UNIT 1 (KONSEP MORAL) -- buku teks m.s.12

- Moral berasal daripada bahasa Latin *mores* yang membawa maksud _____.

A. tingkah laku baik, betul dan diterima
B. tingkah laku cermat dan berhati-hati
C. tingkah laku yang diamalkan oleh masyarakat
D. tingkah laku mengikut peraturan dan perasaan
- Tingkah laku benar berasaskan _____ dan diterima oleh masyarakat.

A. cakap-cakap	B. khabar angin	C. fakta	D. anggapan
----------------	-----------------	----------	-------------
- Ranjeet Singh didenda oleh gurunya kerana keluar kelas tanpa mendapat kebenaran. Tindakan gurunya itu merupakan tingkah laku yang _____.

A. benar	B. baik	C. patut	D. sesuai
----------	---------	----------	-----------
- Amir menghulurkan derma sempena Hari Pahlawan. Tindakan Amir merupakan tingkah laku yang _____.

A. sah	B. baik	C. benar	D. luhur
--------	---------	----------	----------
- Seseorang yang mengamalkan tingkah laku bermoral akan berasa _____ dalam kehidupan.

A. sedih	B. ragu-ragu	C. gelisah	D. tenang
----------	--------------	------------	-----------
- Murid yang bertingkah laku baik akan _____ oleh orang lain.

A. ditakuti	B. disenangi	C. dilindungi	D. dipulaukan
-------------	--------------	---------------	---------------
- Setiap individu perlu sentiasa _____ kepada Tuhan agar menjadi orang yang baik.

A. berdoa	B. berserah	C. bergembira	D. bertenang
-----------	-------------	---------------	--------------
- Pilih tingkah laku bermoral.

A. Berebut ketika menaiki bas.	C. Makan dengan gelojoh.
B. Berbuat baik untuk dipuji.	D. Bercakap dengan sopan.
- Rakan anda ponteng kelas. Apakah tindakan yang patut anda ambil?

A. Merahsiakan daripada guru.	C. Menasihatnya agar tidak ponteng.
B. Mengikutnya ponteng kelas.	D. Membiarkan tindakannya.
- Kita dianggap tidak bercakap benar apabila kita _____.

A. melaporkan salah laku rakan
B. melaporkan maklumat yang palsu
C. menjadi saksi salah laku orang lain
D. mendiamkan diri walaupun mengetahui salah laku rakan